

- 1 Encik Maher seorang peniaga telah merekodkan van miliknya yang dibawa masuk ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan. Apakah andaian perakaunan yang diamalkan oleh Encik Maher?
- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Entiti berasingan
 - D Usaha berterusan
- 2 Pernyataan manakah yang merupakan ciri sebuah milikan tunggal?
- A Liabiliti pemilik terhad
 - B Modal disumbangkan oleh pemilik
 - C Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan
 - D Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pemilik dan ahlinya

Free download
@soalanpercubaanspm

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Twin.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A RM10 400
- B RM11 560
- C RM22 400
- D RM23 560

- 4 Tahun kewangan Kedai Runcit Iqbal berakhir pada 31 Mei 2020. Data berikut diperoleh daripada buku perniagaannya.

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada 31 Mei 2020?

- A RM16 250
- B RM19 250
- C RM19 750
- D RM22 750

Free download
@soalanpercubaanspm

- 5 Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?
- A Rugi atas jualan aset bukan semasa
 - B Faedah pinjaman bank
 - C Insurans peribadi
 - D Promosi
- 6 Pada 30 Julai 2020, Puan Suzana membeli barang niaga berharga RM600 secara kredit dengan syarat 15% 10 hari, 10% 15 hari.
- Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar pada 10 Ogos 2020?
- A RM450
 - B RM510
 - C RM540
 - D RM600
- 7 Rekod urus niaga di dalam buku catatan pertama dibuat berdasarkan dokumen sumber. Pilih padanan yang tepat.

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Debit (Asal)
B	Jurnal Pulangan Belian	Nota Kredit (Asal)
C	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
D	Jurnal Belian	Invois (Salinan)

Free download
@soalanpercubaanspm

- 8 Apakah tujuan diskaun niaga diberikan?
- A Menggalakkan pelanggan membeli secara tunai
 - B Mendorong pelanggan membeli barang secara pukal
 - C Mengelakkan berlaku hutang lapuk dalam perniagaan
 - D Meningkatkan jualan kerana diberikan kepada semua pelanggan
- 9 Petikan akaun berikut diperolehi daripada Lejar Kedai Saleha.

Free download
@soalanpercubaanspm

	2020	RM
Jan 1	Baki b/b	1500

Apakah urus niaga bagi menerangkan catatan di atas?

- A Kedai Zaleha berhutang RM1 500 daripada Maleeq
 - B Maleeq membayar RM1 500 kepada Kedai Zaleha
 - C Kedai Zaleha membayar RM1 500 kepada Maleeq
 - D Maleeq berhutang RM1 500 daripada Kedai Zaleha
- 10 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alat Tulis Biru Warna.

Belian perabot berharga RM5 500 secara kredit daripada Pembekal Baizura tidak direkod dalam mana-mana buku

Bagaimana kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	5 500	
Pembekal Baizura		5 500

B Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Perabot	5 500	
Pembekal Baizura		5 500

C Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Pembekal Baizura	5 500	
Belian		5 500

D Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Pembekal Baizura	5 500	
Perabot		5 500

Free download
@soalanpercubaanspm

- 11 Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku Pemborong Ali yang menjual sayur-sayuran.

Jurnal Pulangan jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2020		RM
April 14	Darwish	90
15	Daniyal	10
30	Pulangan jualan	100

Bagaimanakah catatan yang betul dalam Akaun Pulangan Jualan?

A Akaun Pulangan Jualan

Free download @soalanpercubaanspm				2020	RM
				Apr	Akaun
				30	Terima
				Belum	100

B Akaun Pulangan Jualan

2020		RM
Apr	Darwisy	90
30	Daniyal	10

C Akaun Pulangan Jualan

	2020	RM
	Apr Darwisy	90
	30 Daniyal	10

D Akaun Pulangan Jualan

2020	RM
Apr Akaun Belum 100	
30 Terima	

12 Urus niaga berikut berlaku dalam perniagaan kepunyaan Encik Zaid

Encik Zaid mengambil barang niaga bernilai RM1000 daripada perniagaannya untuk kegunaan peribadi.

Apakah catatan bergu yang terlibat dalam urus niaga tersebut.

- | | |
|--|---|
| A Debit Akaun Tunai
Kredit Akaun Belian | B Debit Akaun Ambilan
Kredit Akaun Inventori |
| C Debit Akaun Ambilan
Kredit Akaun Belian | D Debit Akaun Tunai
Kredit Akaun Tunai |

Free download
@soalanpercubaanspm

13 Akaun Kawalan berikut diperoleh daripada Syarikat SALAM

Akaun Kawalan Belum Terima

2019		RM	2019		RM
Jan 31	Jualan	18500	Jan 1	Baki b/b	175
			31	Bank	15000
				Kontra	360
				X	200
				Baki h/b	<u>2 765</u>
		<u>18500</u>			<u>18500</u>
Feb 1	Baki b/b	2 765			

Apakah X?

- A Angkutan
- B Pulangan masuk
- C Diskaun diterima
- D Hutang lapuk terpulih

Free download
@soalanpercubaanspm

14 Berikut ialah Imbangan Duga Kedai FATAH

Imbangan Duga pada 31 Mei 2019

Free download @soalanpercubaanspm		Debit	Kredit
		RM	RM
	Belian	5 000	
	Jualan		6 000
	Perabot	1 000	
	M	500	
	N		500
		6 500	6 500

Apakah **M** dan **N**?

	M	N
A	Simpanan Tetap	Angkutan Keluar
B	Pinjaman Bank	Modal
C	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
D	Ambilan	Overdraf Bank

15 Petikan Imbangan Duga manakah yang menunjukkan catatan yang betul?

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

A

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan masuk		500
Ambilan		100
Modal	5 000	

B Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan masuk		500
Ambilan	100	
Modal		5 000

C Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan masuk	500	
Ambilan		100
Modal	5 000	

D Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan masuk	500	
Ambilan	100	
Modal		5 000

Free download
@soalanpercubaanspm

16 Antara yang berikut, kesilapan manakah yang akan menjejaskan keseimbangan Imbangan Duga

- I Jualan RM850 kepada Hasan telah direkodkan dalam Akaun Husin
- II Belanja pos RM50 termasuk dalam Akaun Alat Tulis
- III Caj bank RM280 telah direkodkan dalam Buku Tunai tetapi tiada catatan dalam Akaun Caj Bank
- IV Rak Pameran bernilai RM8 000 yang dibeli daripada Kedai IT Computech telah dikreditkan dalam Akaun Alatan Pejabat dan juga Kedai IT Computech

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Free download
@soalanpercubaanspm

17 Pilih padanan yang betul.

	Butiran	Komponen
A	Kadar bayaran belum bayar, Sewa belum terima	Aset Semasa
B	Insurans prabayar, Komisen belum terperoleh	Liabiliti Semasa
C	Kadar bayaran prabayar, Sewa belum terima	Liabiliti Semasa
D	Insurans prabayar, Komisen belum terima	Aset Semasa

- 18 Tiptop Enterprise membeli sebuah van bernilai RM56 000. Penggunaan van dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM7 000.

Berapakah susut nilai tahunan van tersebut

- A RM1 700
- B RM4 900
- C RM5 600
- D RM6 300

Free download
@soalanpercubaanspm

- 19 Bengkel Membaiki Kereta Major telah membayar premium insurans berjumlah RM3 600 pada 1 Mei 2019 untuk tempoh setahun sehingga 30 April 2020. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 31 Disember 2019?

- A RM300
- B RM900
- C RM1 200
- D RM2 400

20 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Mastery.

<u>Imbangan Duga pada 31 Mei 2020</u>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang ragu		200

Syarikat telah memutuskan bahawa 2% daripada jumlah Akaun Belum Terima diwujudkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Apakah kesan terhadap hasil atau belanja syarikat

- A Hasil bertambah RM120
- B Hasil berkurang RM80
- C Belanja bertambah RM120
- D Belanja berkurang RM80

Free download
@soalanpercubaanspm

- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Faez pada 31 Disember 2019

	RM
Untung kasar	5 000
Komisen diterima	400
Gaji	1 000
Kadar bayaran	600
Angkutan keluar	500

Berapakah nilai untung bersih?

- A RM2 500
- B RM3 300
- C RM3 500
- D RM3 800

Free download
@soalanpercubaanspm

- 22 Butir manakah yang dicatat di bahagian debit Akaun Untung Rugi

- I Susut nilai
- II Hutang lapuk
- III Hutang lapuk terpulih
- IV Diskaun diterima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Free download
@soalanpercubaanspm

- 23 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Murni dan Keluarga.

Perniagaan Murni dan Keluarga		
<u>Imbangan Duga Pada 31 Disember 2019</u>		
	Debit	Kredit
	RM	(RM)
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang Ragu		240

Maklumat tambahan :

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM80
- B RM160
- C RM240
- D RM320

24 Butir manakah direkodkan sebagai perbelanjaan dalam Belanjawan Tunai?

- A Susut nilai
- B Jualan tunai
- C Hutang lapuk
- D Bayar sewa kedai

Free download
@soalanpercubaanspm

25 Apakah butiran yang tidak dimasukkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Gaji pekongsi
- B Faedah atas modal
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

26 Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Realisasi

	RM
Bank	1 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan tersebut?

- A Pembayaran belanja realisasi
- B Pembayaran kepada pembekal
- C Perolehan daripada penjualan perabot
- D Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang

27 Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM42 000. Belanja realisasi RM850 manakala liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 150
- B RM3 850
- C RM4 550
- D RM5 400

Free download
@soalanpercubaanspm

28 Pernyataan yang manakah menerangkan ciri Syer Keutamaan?

- A Tidak berhak mengundi
- B Kadar dividen tidak tetap
- C Tidak berhak menerima tunggakan dividen
- D Dividen dibayar selepas dividen Syer Biasa

- 29 Syarikat Berkah Berhad menerbitkan 1 500 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit 5% Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer.

Berapakah jumlah dividen yang akan diterima oleh pemegang Syer Keutamaan?

A RM100 000

B RM175 000

C RM200 000

D RM275 000

Free download
@soalanpercubaanspm

- 30 Pada 2 Mac 2019, Syarikat Nira Berhad telah menerbitkan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syarikat Nira Berhad?

A RM500 000

B RM1 500 000

C RM2 000 000

D RM3 500 000

31 Akaun berikut diperoleh daripada buku Kelab Futsal Inter Milan.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31
Disember 2019

		RM	
Kadar bayaran	1 250	Yuran	2 600
Belanja membaiki	2 500	Untung Jualan bola	1 240
Gaji	3 000	Z	2 910
	<u>6 750</u>		<u>6 750</u>

Apakah **Z**

- A Lebihan
- B Kurangan
- C Rugi bersih
- D Untung bersih

Free download
@soalanpercubaanspm

32 Rekod kewangan manakah yang hanya disediakan oleh sesebuah kelab dan persatuan?

- A Akaun Perdagangan
- B Akaun Untung Rugi
- C Penyata Kedudukan Kewangan
- D Akaun Penerimaan dan Pembayaran

- 33 Data berikut diperoleh dari buku-buku perniagaan Puan Farah yang menyimpan rekod perniagaan dengan tidak lengkap.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2019	5 600
Bayaran kepada pembekal sepanjang tahun	17 414
Diskaun diterima	792
Pulangan belian	566
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2019	3 980

Berapakah belian kredit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

- A RM15 794
 B RM17 152
 C RM19 260
 D RM20 392

Free download
 @soalanpercubaanspm

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Aina pada 31 Mac 2020.

	RM
Inventori awal	5 400
Belian	16 640
Pulangan Belian	480
Maklumat tambahan :	
Aina mengambil barang niaga bernilai RM300 untuk kegunaan sendiri	

Berapakah jumlah belian bersih Kedai Aina?


- A RM15 860
- B RM116 040
- C RM 16 160
- D RM 20 960

Free download
@soalanpercubaanspm

35 Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?

- A Kos bahan langsung adalah kos tetap
- B Kos tetap tidak berubah dalam jangka panjang
- C Kos yang berkadaran dengan tingkat pengeluaran
- D Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar

36 Graf Titik Pulang Modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang tayar.



Berapakah kos tetap pada tingkat pengeluaran 3 000?

- A RM 25 000
- B RM40 000
- C RM43 000
- D RM48 000

Free download
@soalanpercubaanspm

- 37 Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan.

$$\text{Modal Akhir} + X - Y - \text{Modal Awal}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Modal tambahan	Ambilan
B	Modal kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal tambahan
D	Modal	Modal kerja

- 38 Moon Enterprise ingin menilai prestasi perniagaannya untuk tahun 2019 dan tahun 2020 berdasarkan maklumat berikut.

Tahun	2019	2020
Peratus untung bersih atas jualan	16%	18%

Pilih faktor yang menyebabkan perubahan dalam peratus berikut

- I Harga jualan telah dinaikkan
 - II Volum jualan telah bertambah
 - III Pengendalian perniagaan bertambah cekap
 - IV Kelemahan dalam pengendalian perniagaan
-
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 39 Encik Nasir memaklumkan firmanya akan memperoleh untung kasar sebanyak 30 sen bagi setiap RM1 kos jualan.

Apakah analisis nisbah yang digunakan?

- A Nisbah Semasa
- B Nisbah kecairan
- C Nisbah kecekapan
- D Nisbah keberuntungan

- 40 Nisbah semasa bagi Syarikat Lukman ialah 2:1. Apakah tafsiran yng tepat mengenai nisbah tersebut?
- A $\frac{2}{3}$ daripada aset adalah aset semasa
 - B Jumlah liabiliti melebihi 2 kali ganda aset
 - C Jika RM2 yang dilaburkan, syarikat memperoleh pulangan sebanyak RM1
 - D Setiap RM2 nilai aset semasa dapat menjelaskan RM1 nilai liabiliti semasa

KERTAS SOALAN TAMAT

Free download
@soalanpercubaanspm